KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KOLEJ KOMUNITI
TAPAH

# PELAN STRATEGIK KOLEJ KOMUNITI TAPAH

## TAHUN 2024

# PELAN STRATEGIK
## KOLEJ KOMUNITI TAPAH
### TAHUN 2024

**Diterbitkan oleh :**
**Kolej Komuniti Tapah**
**Wisma Chan Poh Lim,**
**35000 Tapah, Perak**

Penaung
Encik Ahmad Nashad bin Zakaria

Ketua Pengarang
Puan Haryati binti Mahmod

Penyelaras Penerbitan
Puan Hasliza binti Zulkifli

Editor
Cik Farhana binti Che Ros
Encik Sulaiman bin Mohd Shah

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara samada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kolej Komuniti Tapah.

PELAN STRATEGIK KOLEJ KOMUNITI TAPAH TAHUN 2024

eISBN 978-967-13694-5-6

9 789671 369456

KOLEJ KOMUNITI TAPAH

(online)

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Hak Cipta | 2 |
| Kandungan | 5 |
| Tinta Pengarah | 6 |
| Kenali Kolej Komuniti Tapah | 7 |
| Carta Organisasi | 8 |
| Visi | 9 |
| Misi | 10 |
| Pelan Strategik KKTP 2024 | 12 |
| Teras Strategik | 13 |
| Teras 1: Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti | 14 |
| Teras 2: Memantapkan Governan yang Responsif dan Mampan | 19 |
| Teras 3: Pemerkasaan Bakat | 25 |
| Teras 4: Pemantapan Program Pengajian | 27 |
| Teras 5: Memperkukuh Kolaborasi Industri, Komuniti dan Alumni | 29 |
| Teras 6: Membudaya Penyelidikan dan Industri | 31 |
| Teras 7: Memperkukuh Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) | 33 |

# TINTA PENGARAH

**Assalamualaikum warahmatullahi wbt, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.**

Terlebih dahulu saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izin, limpah dan kurnia-Nya Buku Pelan Strategik Kolej Komuniti Tapah 2024 ini dapat diterbitkan. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Sidang Redaksi yang terlibat atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan Buku Pelan Strategik ini dapat dihasilkan.

Selaras dengan Pelan Strategik JPPKK tahun 2018-2025, Buku Pelan Strategik Kolej Komuniti Tapah ini merupakan satu rujukan yang mengandungi pelan tindakan institusi yang akan dilaksanakan sepanjang tahun ini bagi mencapai visi dan misi JPPKK iaitu menjadikan kolej komuniti sebagai peneraju institusi TVET yang unggul di Malaysia.

Pelan ini diharapkan dapat menjadi panduan utama dalam pelaksanaan pengurusan kolej dari segi pengurusan pentadbiran, pengurusan penyampaian pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan pelajar. Saya percaya usahasama semua pihak dan pengurusan yang mantap serta konsisten akan dapat melaksanakan dan seterusnya merealisasikan Pelan Strategik Kolej Komuniti Tapah 2024.

Akhir kata, ucapan setinggi tinggi perhargaan kepada semua pihak terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menghasilkan Buku Pelan Strategik Kolej Komuniti Tapah 2024.

**Salam Hormat**

**Encik Ahmad Nashad bin Zakaria**
**Pengarah**
**Kolej Komuniti Tapah**



# KENALI KOLEJ KOMUNITI TAPAH

**Konsep penubuhan Kolej Komuniti Tapah adalah berdasarkan keperluan masyarakat setempat dan berperanan untuk memberi peluang latihan dan kemahiran kepada semua peringkat masyarakat serta peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum ke pasaran kerja atau melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.**

**Di samping itu, penubuhan Kolej Komuniti Tapah juga memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk mendapatkan latihan dan pendidikan secara berterusan bagi melahirkan masyarakat berpengetahuan (K-Community) Kolej Komuniti Tapah mula beroperasi pada tahun 2009 di Wisma Chan Poh Lim, Tapah, Perak. Pengambilan pelajar kumpulan pertama adalah pada Januari 2010.**




**Program yang ditawarkan di Kolej Komuniti Tapah ialah Sijil Teknologi Senibina yang merupakan satu program kemahiran yang menumpukan kepada penghasilan lukisan teknikal dalam bidang senibina berdasarkan kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam dan Pihak Berkuasa Tempatan.**

**Kursus-kursus pendek juga dilaksanakan bagi untuk membantu membangunkan potensi diri kumpulan sasar komuniti setempat. Kursus ini bercirikan program terlanggan (customised programme) iaitu dilaksanakan dengan lebih fleksibel untuk pekerja industri selaras dengan agenda Revolusi Industri 4.0. Kumpulan sasaran ialah golongan miskin tegar, orang asli, OKU, ibu tunggal, belia dan warga emas/pesara dengan ilmu kemahiran hidup dan teknikal serta keusahawanan.**

# CARTA ORGANISASI



# VISI

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul.

# MISI MISI

*Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf*

*Memperkasa komuniti melalui teknologi maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat.*

*Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.*

*Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.*

*Mengungguli bidang senibina bercirikan bidang tujahan rekabentuk kreatif.*

# KOLEJ KOMUNITI TAPAH














# PELAN STRATEGIK KKTP 2024

Penggubalan Pelan Strategik Kolej Komuniti Tapah merupakan satu dokumen pelan perancangan yang signifikan dan relevan dengan keperluan masa kini. Pelan ini merupakan panduan dan pelan tindakan dalam merancang serta melaksanakan tindakan pada tahun 2024 dengan lebih sistematik dan teratur selaras dengan Pelan Strategik JPPKK 2018 - 2025.

Perancangan pada tahun ini merujuk kepada 7 teras strategik utama yang digariskan di dalam Pelan Strategik JPPKK. Ia bertujuan untuk memantau pelaksanaan kerja berdasarkan kepada sasaran dan Pegawai/Unit Pelaksana yang telah dikenalpasti. Pelaksanaan pelan ini akan dapat mempertingkatkan kualiti pengurusan, melestarikan pentadbiran kolej dan meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelajar, pembangunan kompetensi pelajar dan meningkatkan profil Kolej Komuniti Tapah sebagai institusi TVET yang dikenali khususnya dalam melahirkan modal insan tvet yang holistik, berkemahiran dan inovatif.

# TERAS STRATEGIK

**M**ENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

**M**EMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

**P**EMERKASAAN BAKAT

**P**EMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

**M**EMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI

**M**EMBUDAYA PENYELIDIKAN DAN INDUSTRI

**M**EMPERKUKUH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

# TERAS 1

## MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

# TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

## KP1: PERATUS KEBOLEHPASARAN GRADUAN POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI

| OBJEKTIF STRATEGIK | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | | SASARAN PERSIST | SASARAN KKTP | TINDAKAN | JABATAN/ PEGAWAI/ UNIT PELAKSANA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1.1 Menghasilkan Graduan Yang Mempunyai Kebolehpasaran Tinggi (High Employability) | 1 | Kajian Pengesanan Graduan dijalankan pada pelajar yang telah tamat pengajian dan mendapat pengesahan Mesyuarat Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik dan Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti. Pelajar tersebut telah melepasi tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan setelah tamat pengajian. | 95% | 95& | Memastikan 100% graduan konvokesyen 2024 memberikan data kebolehpasaran graduan. | Penyelaras Pengesanan Graduan di POLYCC |

# TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

## KPI 2: PERATUS GRADUAN YANG MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN ATAU BEKERJA SENDIRI

| OBJEKTIF STRATEGIK | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | | SASARAN PERSIST | SASARAN KKTP | TINDAKAN | JABATAN/ PEGAWAI/ UNIT PELAKSANA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1.2 Memantapkan ekosistem keusahawanan bersinergi yang holistik dan bersepadu. | 1 | Graduan politeknik atau kolej komuniti yang bekerja sendiri atau menjadi usahawan dalam tempoh 12 bulan selepas menamatkan pengajian (termasuk perniagaan secara dalam talian/luar talian). | 8% | 8% | 1. Lab Ketua Unit Keusahawanan Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia dan Majlis Apresiasi Keusahawanan Politeknik dan Kolej Komuniti 2023<br>2. Program Bizz Startup PolyCC Perak<br>3. Program Bengkel Inovasion Design Thinking PolyCC Zon Perak 2024<br>4. Perak Inkubator Challenge @ PolyCC (PIC 2024) | Ketua Unit Keusahawanan/ Pegawai Keusahawanan |

# TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

## KPI 3: BILANGAN PROGRAM PEMBANGUNAN PELAJAR BERCIRI HOLISTIK

| OBJEKTIF STRATEGIK | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | | SASARAN PERSIST | SASARAN KKTP | TINDAKAN | JABATAN/ PEGAWAI/ UNIT PELAKSANA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1.3 Melahirkan graduan berciri global. | 1 | 1) Program sukarelawan<br>2) Program pembangunan pelajar selain daripada perkara (1) di atas merujuk kepada kluster berikut:<br>a) Patriotisme<br>b) Perpaduan<br>c) Kepimpinan<br>d) Komunikasi (Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris)<br>e) Kebudayaan, kesenian dan warisan<br>f) Kerohanian<br>g) Psikologi<br>h) Sukan<br>i) Kesihatan<br>j) Kemahiran dan inovasi<br>k) Kelab dan persatuan | 4 | 4 | 1. Program Sukarelawan Melukis Mural di SK Permatang Pelandok (08 Mac 2024)<br>2. Tomorrow's Leader (20 Mac 2024)<br>3. Program Kongsi Rezeki Ihya Ramadan Kolej Komuniti Tapah: Lemonade Mint Soda (25 Mac 2024)<br>4. Jalinan Insan Wahani Aspirasi (JIWA) (27 Mac 2024)<br>5. Program Memasak Bubur Lambuk Sempena Nuzul Al-Quran di Masjid Al-Hurairah (28 Mac 2024)<br>6. Sambutan Nuzul Quran dan Iftar Kolej Komuniti Tapah (03 April 2024)<br>7. Majlis Riang Ria Aidilfitri Kolej Komuniti Tapah 2024 (08 Mei 2024)<br>8. Program Gotong-Royong Madani SK Chenderiang (12 Mei 2024) | PPP di PolyCC |

# TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

## KPI 4: BILANGAN PELAJAR YANG BERJAYA KE PERINGKAT KEBANGSAAN ATAU ANTARABANGSA

| OBJEKTIF STRATEGIK | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | | SASARAN PERSIST | SASARAN KKTP | TINDAKAN | JABATAN/ PEGAWAI/ UNIT PELAKSANA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1.3 Melahirkan graduan berciri global. | 1 | Bilangan Program Pembangunan Pelajar<br>1) Peringkat Antarabangsa<br>2) Peringkat Kebangsaan<br>3) Peringkat Bidang<br>4) Program Keusahawanan<br>5) Penganjuran program/acara/<br>6) Kejayaan seorang pelajar diambil kira yang tertinggi sahaja dalam kategori atau bidang yang sama dalam pelbagai peringkat bagi tahun semasa. Contoh: Pelajar tersebut telah memenangi peringkat kebangsaan dan seterusnya mewakili negara, maka yang diambil kira adalah mewakili negara.<br>7) Kejayaan pelajar atas inisiatif sendiri | 1 | 1 | Membawa pelajar-pelajar KK Tapah menyertai pelbagai pertandingan bagi melahirkan graduan berciri global. Perancangan bagi setiap program sama ada di peringkat bidang, keusahawanan, sukan dan sebagainya akan dijayakan bersama unit-unit yang berkaitan. | Timbalan Pengarah (TP)/Timbalan Pengarah Pengurusan (TPP) |

# TERAS 2

## MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

# TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

## KPI 6: BILANGAN PROGRAM KE ARAH KELESTARIAN TADBIR URUS JABATAN/ INSTITUSI

| OBJEKTIF STRATEGIK | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | | SASARAN PERSIST | SASARAN KKTP | TINDAKAN | JABATAN/ PEGAWAI/ UNIT PELAKSANA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **2.1 Melestari tadbir urus yang berakauntabiliti, cekap dan berkualiti** | **2** | **Bilangan program inisiatif/ aktiviti/ kempen yang dilaksanakan di jabatan/ PolyCC ke arah melestarikan tadbir urus** | **1** | **1** | 1. **Audit Dalaman Tindakan: Penyelaras Audit Dalaman**<br>2. **Lawatan Penandaarasan**<br>3. **Bengkel Amalan Baik Lean Management Kolej Komuniti Tapah**<br>4. **Bengkel Pengurusan Aset dan Stor Kerajaan**<br>5. **Bengkel Pengurusan Risiko Kolej Komuniti Tapah** | **Timbalan Pengarah (TP)/Timbalan Pengarah Pengurusan (TPP)** |

# TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

## KPI 7: SKOR KUALITI DAT POLYCC

| OBJEKTIF STRATEGIK | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | | SASARAN PERSIST | SASARAN KKTP | TINDAKAN | JABATAN/ PEGAWAI/ UNIT PELAKSANA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2.1 Melestari tadbir urus yang berakauntabiliti, cekap dan berkualiti | 2 | Skor kualiti data merujuk kepada skor yang diberikan berdasarkan penarafan bintang melalui Sistem e-Anjung MyMoheS. | 86% | 86% | Penghantaran data mengikut garis masa yang ditetapkan | Timbalan Pengarah (TP)/Timbalan Pengarah Pengurusan (TPP) |

# TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

## KPI 8: BILANGAN HEBAHAN PROGRAM/AKTIVITI JABATAN DAN INSTITUSI DI MEDIA SOSIAL PADA TAHUN SEMASA

| OBJEKTIF STRATEGIK | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | | SASARAN PERSIST | SASARAN KKTP | TINDAKAN | JABATAN/ PEGAWAI/ UNIT PELAKSANA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2.2 Memperkukuh jenama dan reputasi POLYCC. | 2 | Hebahan, promosi dan publisiti bilangan program/ aktiviti yang memberikan impak kepada POLYCC. | 90 | 90 | 1. Membuat pelaporan tentang program/aktviti jabatan di media sosial selewat-lewatnya 6 jam selepas setiap aktiviti berlangsung.<br>2. Mendapat informasi terkini daripada setiap unit bagi hebahan daripada unit-unit tertentu.<br>3. Melibatkan JPP dalam penghasilan kandungan.<br>4. Memastikan setiap pelaporan dalam hebahan diwajibkan untuk meletakkan tajuk, tarikh, masa, pelaporan/ sinopsis program dan gambar semasa program.<br>5. Menghasilkan penulisan artikel untuk penerbitan di surat khabar | Pegawai Perhubungan Awam (PRO) di POLYCC |
| | | Kajian Kepuasan Pelanggan | Tidak berkaitan | 2 kajian (1 kajian 1 semester) | Melaksanakan kajian soal selidik Borang Soal Selidik Prestasi Perkhidmatan Kolej Komuniti Tapah di minggu ke 10 bagi setiap sesi. | Pegawai Perhubungan Awam (PRO) di POLYCC |

# TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

## KPI 10: PERATUS PELAJAR LEPASAN SPM/SETARAF MENDAFTAR DI POLYCC BERDASARKAN NORMA

| OBJEKTIF STRATEGIK | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | | SASARAN PERSIST | SASARAN KKTP | TINDAKAN | JABATAN/ PEGAWAI/ UNIT PELAKSANA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2.2 Memperkukuh jenama dan reputasi POLYCC. | 2 | Pengambilan Pelajar Lepasan SPM/ setaraf merujuk kepada bilangan pelajar yang mendaftar masuk ke program pengajian di politeknik dan kolej komuniti pada sesi ambilan perdana tahun semasa. | 70% | 80% | 1. Promosi akan diperhebatkan melalui penggunaan digital media sosial kolej bagi memudahkan pencapaian maklumat kepada umum.<br>2. Gerak gempur akan dijalankan di sekolah-sekolah sekitar Perak (berhubung dengan guru kaunseling) bagi menjalankan program penyampaian maklumat berkenaan pengambilan pelajar semasa.<br>3. Kajian selidik akan dijalankan kepada ibu bapa dan pelajar yang mendaftar pada ambilan perdana sesi I 2024/2025. | Pegawai Pengambilan |

# TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

## KPI 11: PERATUS PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS (B64)

## KPI 12: PERATUS PRESTASI PENGURUSAN PEMBAYARAN BIL DAN TUNTUTAN DALAM TEMPOH (7) HARI

| OBJEKTIF STRATEGIK | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | | SASARAN PERSIST | SASARAN KKTP | TINDAKAN | JABATAN/ PEGAWAI/ UNIT PELAKSANA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2.3 Meningkatkan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemah. | 2 | KPI menyasarkan pengumpulan data perbelanjaan mengurus bagi mengukur prestasi perbelanjaan secara keseluruhan pada tahun semasa. Julat peratusan minimum bagi setiap bulan adalah 8.33% dan mencapai 99% pada akhir tahun semasa. | 99% | 99% | Pengumpulan data perbelanjaan mengurus dijalankan secara konsisten dan semakan berjalan mengikut sukuan bagi mencapai sasaran persist dan institusi menjelang akhir tahun semasa. | Penolong Akauntan/Penolong Pegawai Tadbir/Pembantu Tadbir Kewangan di POLYCC |
| | | Pembayaran bil dan tuntutan perlu diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada dokumen lengkap diterima pada tahun semasa. | 95% | 95% | Semua bil dan tuntutan akan dibayar dengan segera dalam tempoh yang disasarkan. | Penolong Akauntan/Penolong Pegawai Tadbir/Pembantu Tadbir Kewangan di POLYCC |

# TERAS 3

## PEMERKASAAN BAKAT

# TERAS 3:PEMERKASAAN BAKAT

## KPI 13: PERATUS PENSYARAH BAGI KURSUS TERAS BIDANG DI INSTITUSI YANG MEMLIKI KEMAHIRAN INDUSTRI PADA TAHUN SEMASA

| OBJEKTIF STRATEGIK | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | | SASARAN PERSIST | SASARAN KKTP | TINDAKAN | JABATAN/ PEGAWAI/ UNIT PELAKSANA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 3.1 Mempergiat perkongsian pengetahuan antara PPPT dan pengamal industri secara berterusan. | 3 | Kemahiran industri diukur berdasarkan perkara berikut:<br>i. Pensyarah teras bidang yang pernah melengkapkan sangkutan industri sekurang-kurangnya sebulan; atau<br>ii. Pensyarah mempunyai Kelayakan Profesional/Sijil Profesional | 45% | 45% | Memastikan PPPT mempunyai kemahiran tambahan dan persijilan Profesional berdasarkan bidang yang diceburi. | Pegawai Latihan dan Pembangunan Staf |

# TERAS 4

## PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

# TERAS 4:PEMERKASAAN BAKAT

## KPI 14: BILANGAN BAHAN DIGITAL PEMBELAJAR DAN PENGAJARAN (PDP) YANG DIHASIKAN OLEH POLYCC

| OBJEKTIF STRATEGIK | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | | SASARAN PERSIST | SASARAN KKTP | TINDAKAN | JABATAN/ PEGAWAI/ UNIT PELAKSANA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.1 Mengintegrasikan teknologi terkini dalam PdP/progam pengajian secara meluas | 4 | KPI ini menyasarkan pembangunan bahan digital Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) yang terdiri daripada tiga (3) item:<br><br>Item 1: Pembangunan bahan interaktif e-book<br>Item 2: Pembangunan bahan video PdP/video dokumentari/AR/VR/Video 360<br>Item 3: Pembangunan Micro-credentials (MC) - Mandiri | 1 (item 1) | 1 (item 1) | Melaksanakan Kursus Penghasilan Interaktif eBook dan penghasilan video PdP | Timbalan Pengarah Akademik (TPA)/Timbalan Pengarah KK: Pegawai ePel |

# TERAS 5

## MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI

# TERAS 5:PEMERKASAAN BAKAT

## KPI 14: BILANGAN BAHAN DIGITAL PEMBELAJAR DAN PENGAJARAN (PDP) YANG DIHASIKAN OLEH POLYCC

| OBJEKTIF STRATEGIK | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | | SASARAN PERSIST | SASARAN KKTP | TINDAKAN | JABATAN/ PEGAWAI/ UNIT PELAKSANA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 5.1 Memperkukuh jaringan industri-institusi. | 4 | Aktiviti kolaborasi industri berimpak tinggi merujuk kepada aktiviti kolaborasi yang berterusan dan memberi manfaat kepada program pengajian, warga institusi dan komuniti dalam tahun semasa | 1 | 1 | Karnival Kerjaya @PolyCC Kolej Komuniti Negeri Perak Dengan Kerjasama PERKESO Negeri Perak Tahun 2024 | Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni (PPIA) |
| | | Kolaborasi industri dalam institusi | ITT | 1 | Menandatangani Letter of Intent (LOI) bersama East Design Architecture | Pengarah, PPIA, Staf Akademik. |

# TERAS 6

## MEMBUDAYA PENYELIDIKAN DAN INDUSTRI

# TERAS 6:MEMBUDAYA PENYELIDIKAN DAN INDUSTRI

## KPI 16: BILANGAN PENERBITAN PENYELIDIKAN OLEH WARGA POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI PADA TAHUN SEMASA

| OBJEKTIF STRATEGIK | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | | SASARAN PERSIST | SASARAN KKTP | TINDAKAN | JABATAN/ PEGAWAI/ UNIT PELAKSANA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **6.1 Memperkasa ekosistem penyelidikan, inovasi dan pemindahan teknologi.** | **6** | **Bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan pada tahun semasa** | **1** | **1** | 1. **Menganjurkan bengkel penulisan dan penerbitan.**<br>2. **Menyalurkan informasi berkaitan peluang penerbitan di jurnal kepada pensyarah.**<br>3. **Mengusahakan subsidi kewangan untuk setiap penerbitan berkaitan keperluan KPI pada tahun semasa.**<br>4. **Membantu dari segi proofreading abstrak dan penulisan.** | **Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (KUPIK) di POLYCC** |

# TERAS 7

## MEMPERKUKUH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

# TERAS 5:MEMPERKUKUH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

## KPI 18: BILANGAN PENYERTAAN PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT PADA TAHUN SEMASA

| OBJEKTIF STRATEGIK | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | | SASARAN PERSIST | SASARAN KKTP | TINDAKAN | JABATAN/ PEGAWAI/ UNIT PELAKSANA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 7.1 Melahirkan komuniti berkemahiran | 7 | Bilangan penyertaan program Pembelajaran Sepanjang Hayat merujuk kepada penyertaan komuniti dalam program PSH yang dijalankan di POLYCC. | 533 | 1000 | 1. Meningkatkan bilangan penganjuran program keusahawanan PSH yang berjaya menjana pendapatan dan program PSH bercirikan teknologi digital.<br>2. Meningkatkan kolaborasi PSH bersama agensi seperti Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Kementerian Belia dan Sukan (Belia), Jabatan Kebajikan Masyarakat (B40, Ibu Tunggal, Warga Emas & OKU), Jabatan Kemajuan Orang Asli (Orang Asli), PERKESO, Maahad Tahfiz, Persatuan Komuniti dan lain-lain agensi bagi meluaskan kumpulan sasaran.<br>3. Memperkasakan Program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dengan menganjurkan kursus berimpak tinggi. | Penyelaras PSH |

KOLEJ KOMUNITI
TAPAH